

**PENGURUSAN KEMISKINAN ASNAF PRODUKTIF: KAJIAN KES DI  
BAITUL MAL ACEH (BMA)**  
**(PROPERTY MANAGEMENT OF ASNAF PRODUCTIVE: A STUDY IN BAITUL MAL  
ACEH)**

NOORAMIRA GHAZALI<sup>1\*</sup>, FARAHDINA FAZIAL<sup>2</sup>, MOHAMAD SHAHARUDIN  
SAMSURIJAN<sup>3</sup> & ZAHRI HAMAT<sup>4</sup>

<sup>1,3</sup>Universiti Sains Malaysia

<sup>2</sup>Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia

<sup>4</sup> Kolej Universiti Bestari

nooramira\_yaa@yahoo.com

**ABSTRAK**

Institusi Zakat atau Baitul Mal merupakan organisasi yang ditubuhkan untuk mewujudkan sistem pengurusan zakat yang bersistematis. Kedua-dua institusi ini juga berperanan dalam membantu golongan asnaf untuk meningkatkan keupayaan dan ekonomi asnaf dalam mengurangkan masalah kemiskinan. Pelbagai program yang telah dilaksanakan oleh institusi zakat atau baitul mal dalam membantu golongan ini. Menariknya, kajian ini ditumpukan kepada baitul mal di Aceh, Indonesia yang lebih dikenali sebagai Baitul Mal Aceh (BMA) yang dilihat begitu sistematik dalam menguruskan kelompok asnaf terutamanya asnaf produktif. Asnaf produktif merujuk kepada asnaf yang berhak menerima agihan zakat, mempunyai perniagaan atau kemahiran untuk dikembangkan, mempunyai keupayaan fizikal dan mental yang baik serta mampu melaksanakan pekerjaan. Persoalannya, apakah fokus penumpuan program pengurusan kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh BMA? Apakah bentuk bantuan yang telah diagihkan kepada asnaf produktif? Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes di BMA. Data dikumpul melalui temu bual tidak berstruktur melibatkan lima orang informan dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan pendekatan tematik. Hasil kajian mendapati, terdapat dua program pengurusan kemiskinan yang telah difokus kepada asnaf produktif iaitu program pemerkasaan ekonomi dan pendidikan. Bentuk bantuan yang diagihkan terdiri dari modal permulaan, bantuan kewangan, peralatan kerja dan biasiswa. Kedua-dua program ini telah berjaya membantu mengurangkan masalah kemiskinan seterusnya membantu meningkatkan kualiti kehidupan asnaf produktif ke arah yang lebih baik.

*Kata Kunci:* pengurusan kemiskinan, asnaf produktif, Baitul Mal Aceh (BMA)

**ABSTRACT**

Zakat institution or Baitul Mal is an organization established to create a systematic zakat management system. Both of these institutions also play a role in helping the asnaf to increase the capacity and economy of the asnaf in reducing poverty. Various programs have been implemented by zakat institutions or baitul mal to help this group. Interestingly, this study focused on treasury in Aceh, Indonesia, better known as Baitul Mal of Aceh (BMA) that has been managing groups of recipients systematically, particularly recipients productive. Productive asnaf refers to asnaf who is entitled to receive zakat distribution, owns a business or skills to develop, has good physical and mental abilities and able to perform work. The question is, what is the focus of the poverty management program that has been implemented by the BMA? What form of assistance has been distributed to productive asnaf? Therefore, this study uses a qualitative approach in the form of a case study in BMA. Data were collected through unstructured interviews involving five informants and analyzed by using a thematic approach content analysis method. The result of the study shows there are two poverty management programs that have been focusing on productive asnaf, namely economic empowerment and education programs. The forms of assistance distributed consist of start-up capital, financial aid,

work equipment and scholarships. These two programs have been successful in reducing poverty and improve the quality life of productive asnaf.

*Keywords:* Poverty management, productive asnaf, Baitul Mal of Aceh (BMA)

## 1. Pengenalan

Pengurusan kemiskinan bukan suatu program baru dalam sesebuah negara. Perancangan dan pengurusan kemiskinan kerap dipelopori oleh sesebuah institusi. Di kebanyakan negara-negara Islam peranan institusi baitul mal serta institusi zakat sangat menyerlah peranannya dalam membantu membasmikan masalah berkaitan kemiskinan (al-Qaradawi, 1993; Patmawati, 2006; Khairul Azhar Meerangani, 2017). Penumpuan perancangan dan pengurusan kemiskinan oleh institusi sering meletakkan elemen skim dan jenis bantuan dari segi kewangan, barang, aset serta pendidikan yang dijadikan keutamaan. Oleh yang demikian, kajian ini tertarik bagi meneliti peranan BMA yang dilihat begitu sistematis dalam menguruskan kelompok asnaf produktif. BMA merupakan institusi yang berperanan membantu asnaf produktif untuk mengurangkan masalah kemiskinan di Aceh. Pengagihan dana zakat yang dilaksanakan oleh BMA terbahagi kepada dua jenis iaitu zakat sara diri dan produktif. Menurut UU No. 23 Tahun 2011 mengenai Pengurusan Zakat III fasal 27 bahawa zakat dapat digunakan sebagai usaha produktif. Penjelasan tersebut berdasarkan Fasal 29 ayat 1 & 2 mengenai memperkasakan zakat dalam dua bentuk iaitu zakat produktif dan sara diri (Rayyan Firdaus & Mukhlis M. Nur, 2017).

Zakat produktif merupakan pengagihan yang berbentuk pemberian modal kewangan, bantuan kewangan, biasiswa dan peralatan kerja kepada asnaf produktif. Bantuan ini diberikan untuk mengembangkan perniagaan, pendidikan dan meningkatkan pendapatan golongan asnaf produktif (Cut Neor Halimah, 2017). Terdapat empat program utama dalam mengurangkan kemiskinan yang telah dilaksanakan di BMA iaitu program pemerkasaan ekonomi, program sosial, program pendidikan serta program dakwah dan syiar Islam. Namun, dalam kajian ini hanya dua program utama yang ditumpukan terhadap golongan asnaf produktif iaitu program pemerkasaan ekonomi dan program pendidikan.

## 2. Kajian Literatur

Kajian mengenai kesan agihan zakat dalam pembasmian kemiskinan turut dijalankan oleh Patmawati Ibrahim dan Rahisam Ramli (2010). Kajian dijalankan untuk mengenal pasti kesan agihan zakat untuk membasmikan kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dalam mengurangkan masalah kemiskinan dalam kalangan golongan asnaf. Pihak MAINS telah menyediakan pelbagai skim bantuan untuk memastikan asnaf fakir dan miskin mendapat pembelaan seperti bantuan modal perniagaan, bantuan peralatan kerja dan bantuan kewangan. Bantuan yang diagihkan tersebut telah membuktikan keberkesanannya untuk mengurangkan kemiskinan. Seterusnya, mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan golongan asnaf fakir dan miskin.

Menurut Sohaimi Hj. Mohd Salleh (2011), instrumen zakat mampu menangani masalah kemiskinan. Kemiskinan boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu kemiskinan fizikal (harta) dan kemiskinan mental (minda). Kemiskinan fizikal iaitu kemiskinan daripada segi pendapatan, tempat tinggal, pakaian dan kenderaan. Kemiskinan mental pula berlaku apabila seseorang itu malas berusaha untuk mencapai tahap keselesaan hidup. Sebaliknya, terlalu bergantung kepada bantuan dan sumbangan orang lain. Zakat berfungsi untuk mengagihkan kekayaan secara seimbang untuk keadilan sosial dalam masyarakat. Sehubungan itu, program dan bantuan zakat berupaya meningkatkan taraf hidup golongan asnaf. Program pengurusan

kemiskinan dilaksanakan untuk membantu golongan masyarakat terutamanya golongan fakir dan miskin. Usaha ini dilaksanakan oleh pelbagai pihak kerajaan dan institusi zakat. Menurut Zuriyati Yaakub dan Nurul Ilyana Muhd Adnan (2018), terdapat beberapa program khusus telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam membantu golongan asnaf fakir, miskin dan *muallaf*. Golongan ini dikenali sebagai Ikon Usahawan Asnaf MAIM. Program ini dilaksanakan dengan memberikan bantuan modal dan pelatihan serta kursus keusahawanan kepada *mustahik*. Program ini dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Insan MAIM. Pihak MAIM akan mengenal pasti usahawan asnaf yang telah menjalankan aktiviti perniagaan. Mereka diberi peluang untuk mengikut kursus dan seminar perniagaan yang dianjurkan. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (2017), juga melaksanakan beberapa program pemerkasaan asnaf. Bentuk program yang dilaksanakan seperti Program Pembangunan Asnaf, Program Tempat Tinggal, Program Pendidikan, Program Berdikari dan Program Pembangunan Ummah. Melalui program tersebut terdapat beberapa bentuk dan skim bantuan yang telah diagihkan. Bentuk bantuan tersebut seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan Aidilfitri, bantuan perkahwinan, bantuan kecemasan, bantuan perniagaan dan bantuan pertanian. Bentuk bantuan tersebut diagihkan untuk membantu *mustahik* meningkatkan pendapatan dan kualiti kehidupan mereka (MAIWP, 2017).

### 3. Metodologi Kajian

Reka bentuk secara pendekatan kualitatif melalui kajian fenomenologi, kajian kes dan kajian kepustakaan antara yang digunakan dalam kajian ini. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan di Aceh dengan mengamati, memerhati dan memahami aktiviti atau program yang telah dijalankan oleh pihak BMA kepada asnaf produktif. Penyelidik telah melaksanakan penelitian dan turut serta dalam aktiviti dan program BMA kepada asnaf produktif selama 1 minggu di Aceh. Seterusnya, data primer diperoleh dengan menggunakan metod temu bual tidak berstruktur Data primer diperoleh dengan menggunakan metod temu bual tidak berstruktur terhadap lima orang pegawai BMA yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kemiskinan dalam memperkasakan asnaf produktif. Data sekunder pula diperoleh melalui artikel ilmiah, buku, jurnal dan laman sesawang rasmi. Data yang diperoleh dianalisis melalui kaedah analisis kandungan pendekatan secara tematik. Jadual 3.1 menunjukkan jumlah informan yang terlibat dalam penyelidikan ini seperti berikut:

Jadual 1: Senarai Informan Kajian

Bil.	Kod Informan	Jawatan	Bidang Kepakaran
1	AC1	Ketua BMA	Sains Sosial
2	AC2	Ketua Sosialisasi dan Pengembangan	Sarjana Pendidikan Islam
3	AC3	Ketua Pengumpulan	<i>Hukum</i>
4	AC4	Ketua Perwalian	Pengajian Islam
5	AC5	Ketua Pendayagunaan	Pengajian Islam

Berdasarkan Jadual 1, terdapat lima orang informan yang terlibat secara langsung terhadap program pengurusan kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh pihak BMA. Kelima-lima informan tersebut terdiri daripada ketua BMA, ketua sosialisasi dan pengembangan, ketua pengumpulan, ketua perwalian dan ketua pendayagunaan. Mereka yang terlibat mempunyai bidang kepakaran masing-masing dalam menentukan setiap arah tuju program pengurusan yang dilaksanakan oleh BMA.

#### 4. Dapatkan Kajian

Pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh BMA dalam memajukan dan membantu asnaf produktif untuk mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik terutama dari segi ekonomi dan sosial. BMA telah mewujudkan pelbagai program berteraskan pembangunan ekonomi dan pendidikan sebagai satu mekanisme untuk membantu dan mengurangkan masalah kemiskinan terutama bagi asnaf yang produktif. BMA telah mengambil inisiatif dengan menjalankan beberapa bentuk program dalam memperkasakan ekonomi asnaf produktif di Aceh. Program tersebut juga bertujuan membantu asnaf produktif yang berdaya maju dan mempunyai potensi dalam memajukan kehidupan ke arah yang lebih baik. Terdapat dua program yang telah dilaksanakan oleh BMA dalam membantu asnaf produktif. Perbincangan ini dijelaskan melalui dapatan temu bual yang telah dijalankan dengan informan AC2 seperti berikut:

“Dua program besar yang telah dilaksanakan oleh BMA untuk kita kurangkan kemiskinan di Aceh untuk asnaf produktif iaitu pemerkasaan ekonomi dan pendidikan”


Berdasarkan kenyataan tersebut, program pemerkasaan ekonomi dan pendidikan merupakan program khusus yang dilaksanakan oleh BMA dalam membantu asnaf produktif di Aceh. Menurut AC1, beliau pula menjelaskan sebegini:

“Untuk pengetahuan saudari terdapat tiga program yang telah dilaksanakan oleh baitul mal untuk membantu senif produktif ini. Antara program yang dilaksanakan seperti program pemerkasaan ekonomi dan program pendidikan. Bantuan yang diaghikhan mengikut keperluan senif produktif untuk memajukan skil mereka”

AC1 pula menjelaskan bahawa terdapat tiga program yang dilaksanakan oleh BMA dalam membantu asnaf produktif iaitu program pemerkasaan ekonomi, program sosial dan pendidikan. Seterusnya, AC3 juga ada menjelaskan mengenai fokus penumpuan program pengurusan kemiskinan di BMA seperti berikut:

“Program khusus yang dilaksanakan oleh BMA dalam membantu senif produktif ini melalui dua program utama iaitu program pemerkasaan ekonomi dan program pendidikan”

Menurut AC3, beliau menjelaskan terdapat dua program yang dilaksanakan oleh BMA iaitu program pemerkasaan ekonomi dan pendidikan. Oleh yang demikian, berdasarkan temubual terhadap informan, program pemerkasaan ekonomi dan pendidikan merupakan program utama yang dilaksanakan oleh BMA. Program utama tersebut dilaksanakan untuk membantu golongan asnaf produktif keluar daripada belenggu kemiskinan. Seterusnya, meningkatkan kualiti hidup ke arah yang lebih baik. Hal ini diperincikan dalam Rajah 1 seperti berikut.



Rajah 1: Program Pengurusan Kemiskinan kepada Asnaf Produktif di BMA

Berdasarkan Rajah 1, program yang dilaksanakan tersebut telah diagihkan kepada asnaf produktif melalui beberapa bentuk iaitu faktor kewangan, barang dan peralatan serta latihan dan kursus. Perkara ini penting dinyatakan pada bab ini, mengambil kira perbincangan yang ditimbulkan.

#### 4.1 *Program Pemerkasaan Ekonomi*


BMA telah menjalankan beberapa bentuk program dalam memperkasakan ekonomi asnaf produktif di Aceh. Terdapat empat program yang telah dilaksanakan oleh BMA dalam program memperkasakan ekonomi. Menurut AC1, beliau menjelaskan seperti berikut:

“Empat program yang dilakukan oleh baitul mal dalam program ekonomi ini. Program tersebut emangnya untuk bantu senif daripada hidup susah, menyekolahkan anak dan lain-lain. Program pertama kita buat program zakat, infak dan sedekah. Program ini ada yang kita kasi wang, ada yang bagi peralatan kerja. Kedua, pemberian modal kepada masyarakat miskin melalui Baitul Mal Gampong. Ketiga, program bantuan peralatan kerja. Ini program yang kita kasi seperti becak, mesin jahit. Akhir sekali, kita bikin program latihan kemahiran hidup. Itu aje untuk program pemerkasaan ekonomi”

AC4 juga turut menjelaskan :

“Empat program yang kita laksanakan melalui program ekonomi ini iaitu program zakat, infak dan sedekah, pemberian modal kepada masyarakat miskin melalui Baitul Mal Gampong, latihan kemahiran hidup dan terakhir bantuan peralatan kerja. Ini ada kita kasi barang pertanian, peti ais”

Berdasarkan penjelasan AC1 dan AC4, terdapat empat program yang telah dilaksanakan oleh BMA menerusi program pemerkasaan ekonomi. Program tersebut iaitu program Zakat, Infak dan Sedekah (ZIS) produktif, pemberian modal kepada masyarakat miskin melalui Baitul Mal Kampung, bantuan peralatan kerja dan latihan kemahiran hidup. Program tersebut dilaksanakan bertujuan membantu asnaf produktif untuk meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan masalah kemiskinan dalam kalangan asnaf di Aceh. Program tersebut, diringkaskan pada Rajah 4.2 seperti tersebut



Rajah 2: Bentuk Program Pemerkasaan Ekonomi

Rajah 2 di atas menunjukkan pihak BMA telah melaksanakan empat program pemerkasaan ekonomi untuk membantu golongan asnaf produktif. Program tersebut iaitu Program Zakat, Infak dan Sedekah (ZIS) produktif, pemberian modal kepada masyarakat miskin melalui baitul mal kampung, bantuan peralatan kerja dan latihan kemahiran hidup. Program pemerkasaan ekonomi yang dilaksanakan tersebut melibatkan beberapa bentuk agihan bantuan kepada asnaf produktif. Terdapat empat bentuk bantuan yang diagihkan kepada asnaf produktif iaitu modal perniagaan, modal permulaan, peralatan kerja dan latihan kemahiran hidup. Berdasarkan program Zakat, Infak dan Sedekah (ZIS) produktif dan pemberian modal kepada masyarakat miskin melalui Baitul Mal Kampung, bantuan yang diagihkan iaitu modal perniagaan dan modal permulaan. Modal yang diagihkan kepada asnaf produktif adalah secara berperingkat. Jadual 4.1 menunjukkan jumlah modal perniagaan yang diagihkan kepada asnaf produktif seperti berikut:

Jadual 2 : Jumlah Modal Perniagaan kepada Asnaf Produktif


No.	Jumlah Dana (RP/RM)
1	Rp 500 ribu (RM144)
2	Rp 1 juta (RM 288)
3	Rp 2 juta (RM576)
4	Rp 3 juta (RM 864)
5	Rp 5 juta (RM1440)

Sumber: Baitul Mal Aceh (2018)

Berdasarkan kepada Jadual 2, jumlah modal perniagaan dan modal permulaan yang diagihkan kepada asnaf produktif mengikut permohonan dan dana yang dimiliki oleh BMA. Modal tersebut diagihkan secara berperingkat iaitu bermula pada Rp 500 ribu (RM144), Rp 1 juta (RM288), Rp 2 juta (RM576), Rp 3 juta (RM864) dan Rp 5 juta (RM1440). Jumlah modal

perniagaan yang diterima oleh asnaf produktif adalah berbeza-beza mengikut permohonan dan kemampuan bayaran balik secara ansuran oleh asnaf produktif. Pelaksanaan modal perniagaan ini dilakukan secara *qardhul hasan* (bayaran tanpa bunga) oleh asnaf produktif mengikut tempoh perjanjian pembayaran balik bersama pihak BMA. Bagi bantuan peralatan kerja, pihak BMA telah mengagihkan empat jenis bantuan iaitu produk, kenderaan, mesin dan barang. Bantuan peralatan kerja ini dilaksanakan dalam membantu asnaf produktif untuk menjalankan pekerjaan atau perniagaan mereka dengan lebih baik.

Seterusnya, untuk program latihan kemahiran hidup terdapat empat latihan dan kursus yang disediakan oleh pihak BMA. Latihan dan kursus latihan ini diberikan kepada anak asnaf yang terdiri daripada keluarga fakir dan miskin. Mereka yang layak untuk menerima latihan dan kursus ini yang berusia muda dalam lingkungan 18 tahun hingga 30 tahun. Antara latihan dan kursus yang disediakan iaitu latihan kursus kemahiran komputer, latihan dan kemahiran pertanian, latihan ketrampilan diri dan latihan penjagaan kanak-kanak. Berdasarkan kepada program pemerkasaan ekonomi yang dilaksanakan oleh BMA, bentuk bantuan dapat diringkaskan dalam Rajah 2 seperti berikut:



Rajah 3 : Ringkasan Program dan Bentuk Bantuan Pemerkasaan Ekonomi oleh BMA

Berdasarkan Rajah 3, ringkasan program dan bentuk bantuan pemerkasaan ekonomi oleh BMA dibahagiakan kepada empat program utama iaitu Program Zakat, Infak dan Sedekah (ZIS), program bantuan peralatan kerja, program pemberian modal perniagaan kepada masyarakat miskin melalui Baitul Mal Kampung dan program latihan kemahiran hidup. Berdasarkan program dan bentuk bantuan yang diberikan oleh BMA, didapati bantuan yang diberikan amat sesuai dan mempunyai citarasa asnaf produktif. Bantuan yang diagihkan telah berjaya merancakkan perniagaan asnaf produktif yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seperti peruncitan, kuih-muih, kedai dobi dan sebagainya. Bagi program latihan dan kemahiran hidup, program tersebut telah berjaya membuka peluang pekerjaan kepada asnaf produktif untuk meningkatkan pendapatan hidup. Oleh yang demikian, bantuan yang diagihkan oleh BMA juga telah berjaya mengeluar asnaf produktif daripada menjadi *mustahik* kepada *muzzaki*. Perkara ini merupakan kejayaan besar yang dilaksanakan oleh BMA dalam membantu meningkatkan kualiti hidup asnaf dan seterusnya mengurangkan masalah kemiskinan (Sohaimi Hj. Mohd Salleh et al. 2011).

#### 4.2. Program Pendidikan

Selain dari fokus terhadap program pemerkasaan ekonomi, BMA juga mementingkan pembangunan modal insan sebagai landasan kecemerlangan generasi pada masa hadapan. Bantuan pendidikan ini berbentuk produktif kreatif (Rizki Aulia, 2017). Program pendidikan ini dilaksanakan untuk membantu asnaf terutama anak asnaf yang produktif dalam meningkatkan pendidikan mereka. Menurut AC5, BMA telah melaksanakan tiga program utama dalam membantu asnaf produktif dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan pendidikan mereka. AC5 mengulas seperti berikut:

“Baitul mal ada lakukan program pendidikan khusus kepada anak-anak senif yang aktif dalam pengajian mereka. Pertama, program biasiswa penuh, bantuan pendidikan berkelanjutan. Dan ketiga, program pendidikan sekali waktu. Program ini kita kasi kepada mereka untuk membantu keluarga asnaf itu sendiri dari hidup dalam kemiskinan”

Berdasarkan ulasan AC3 tersebut, terdapat tiga program yang dilaksanakan oleh BMA dalam membantu asnaf produktif untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Perkara ini juga turut dijelaskan oleh AC1 seperti berikut:

“Kita bukan sahaja kasi bantuan untuk ekonomi. Tapi kita juga kasi wang dan bantuan kepada senif melalui program pendidikan. Baitul mal telah lakukan tiga program pendidikan yang besar untuk bantu senif-senif ini. Program itu, biasiswa penuh, bantuan pendidikan sekali waktu dan pendidikan berkelanjutan”

Program pendidikan ini ditekankan oleh BMA dalam membantu asnaf produktif untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Oleh yang demikian, terdapat tiga program utama yang telah dilaksanakan oleh BMA iaitu bantuan biasiswa penuh, bantuan berkelanjutan dan bantuan pendidikan sekali waktu. Program dan bentuk bantuan pendidikan yang dilaksanakan oleh BMA dijelaskan pada Jadual 3 seperti berikut:

Jadual 3: Program dan Bentuk Bantuan Pendidikan oleh BMA

Program	Bentuk Bantuan
Pendidikan	Biasiswa Penuh
	Bantuan Pendidikan Berlanjutan
	Bantuan Pendidikan Sekali Waktu

Sumber: Baitul Mal Aceh (2018)

Jadual 3 di atas menunjukkan program dan bentuk bantuan pendidikan oleh BMA. Terdapat tiga program pendidikan utama yang dilaksanakan oleh BMA dalam membantu anak-anak asnaf produktif untuk mendapat pendidikan yang berkualiti iaitu biasiswa penuh, bantuan pendidikan berlanjutan dan bantuan pendidikan sekali waktu. Bentuk bantuan tersebut dilaksanakan untuk membuktikan BMA sememangnya membantu dalam meningkatkan taraf pendidikan golongan asnaf produktif dan membantu mereka menikmati kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

Skim dan bentuk bantuan pendidikan yang diagihkan kepada asnaf produktif yang masih di dalam pelajaran ialah bantuan biasiswa. BMA telah melaksanakan bantuan yang dikenali sebagai Satu Keluarga Satu Sarjana (SKSS). Program ini dilaksanakan dalam membantu anak asnaf untuk menyambung pelajaran di peringkat ijazah sarjana muda. Jumlah bantuan yang diberikan iaitu sebanyak Rp 1 juta (RM288) pada setiap bulan. Bagi penerima bantuan ini, terdapat beberapa kriteria dan syarat yang perlu dipenuhi oleh asnaf produktif. Antara kriteria tersebut iaitu mereka mesti tergolong dalam asnaf fakir dan miskin, pelajar yang produktif di peringkat universiti dan tidak pernah menerima bantuan daripada BMA atau institusi lain.

Oleh yang demikian, bantuan biasiswa yang diagihkan kepada asnaf produktif ini merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kualiti pendidikan golongan asnaf produktif. Bantuan ini juga diberikan sebagai cara untuk membantu meringankan beban keluarga asnaf terutama bagi golongan fakir dan miskin. Menurut Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat (2018) pendidikan merupakan satu elemen yang sangat penting untuk kemajuan sesebuah masyarakat dan negara. Peranan pendidikan menjadi semakin menebal apabila ia menjadi wahana utama untuk mengurangkan isu kemiskinan masyarakat terutama asnaf fakir dan miskin. Perkara ini juga turut disokong oleh Azhar Ahmad Mustaff et al. (2017), bantuan pendidikan yang diagihkan oleh institusi zakat merupakan satu galakkan kepada asnaf supaya mementingkan pendidikan dan ilmu pengetahuan. Galakan ini sebagai satu cara untuk menuntut ilmu yang menjadi satu kewajipan kepada semua umat Islam.

## 5. Kesimpulan

Secara keseluruhan, terdapat empat program utama yang telah dilaksanakan oleh BMA dalam program pengurusan kemiskinan di BMA. Program pemerkasaan ekonomi dan pendidikan merupakan program yang ditumpukan kepada asnaf produktif. Program ini dilaksanakan untuk membantu asnaf produktif meningkatkan pendapatan dan kualiti kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Bantuan ini diberikan kepada golongan asnaf produktif yang sihat tubuh badan, kuat bekerja dan proaktif. Mereka diberikan pancing, bukannya diberikan ikan untuk menguruskan kehidupan dengan baik (Alyasa' Abu Bakar, 2017). Bantuan yang diberikan seperti modal perniagaan, modal permulaan, bantuan peralatan kerja, latihan dan kursus kemahiran hidup, wang saku dan bantuan biasiswa. Pemberian bantuan biasiswa pendidikan kepada anak-anak asnaf merupakan salah satu cara untuk mengubah kehidupan keluarga mereka melalui ilmu pendidikan.

## Rujukan

- Al-Qaradawi, Yusuf. (1993). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Alyasa' Abu Bakar. (2017). Temubual ke atas informan di Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, pada 25 Oktober 2017
- Ataul Haq. (1993). *Development and distribution in Islam*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications).
- Azhar Ahmad Mustaffa, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2015). *Kesan bantuan zakat terhadap prestasi akademiki pelajar: Kajian terhadap pelajar tajaan Lembaga Zakat Selangor di Institusi Pengajian Tinggi, dlm. Isu kontemporari agihan zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Attin Press Sdn Bhd.
- Bagus, Lorens. (2002). *Kamus Filsafat*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama. S.
- Cut Neor Halimah. (2017). *Implementasi & pemahaman akuntabilitas trasparansi, responsibilitas serta fairness terhadap kinerja pengelola zakat di Baitul Mal Aceh*. Yogyakarta: Fakultas Syariah & Hukum Islam, UIN Sunan Kalijaga.
- Khairul Azhar Meerangani. (2017). *Potensi zakat dalam pembangunan umat Islam di Malaysia*. Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Islam 2017, Kolej Universiti Islam Melaka.
- Laporan Kutipan dan Agihan Zakat. (2012). *Info zakat*. Lembaga Zakat Selangor (LZS).
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). (2017). *Program pemerkasaan asnaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*. Seminar pembangunan asnaf serantau 2017 23hb-24hb November 2017

- Nuruul Hidayah Mansor, Asmak Ab Rahman & Nurzahidah Haji Jaafar. (2014). *Memperkasakan zakat pertanian sebagai pelan pembangunan masyarakat Melayu*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Masjid, Zakat dan Wakaf(IMAF 2014), e-ISBN 978-967-13087-1-4), 1-2 Disember 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Patmawati Ibrahim. (2006). *Economic role of zakat in reducing income inequality and poverty in Selangor*. Tesis PHD yang diserahkan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM). Tidak diterbitkan.
- Patmawati Ibrahim & Rahisam Ramli. (2010). *Kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan di Negeri Sembilan*. Prosiding PERKEM V, JILID 2 (2010) 104-113, ISSN: 2231-962x.
- Radieah Mohd Nor. (2013). *Asas-asas pengurusan kemiskinan semasa pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Rayyan Firdaus & Mukhlis M.Nur. (2017). *Model pemberdayaan ekonomi berbasis zakat produktif dalam meningkatkan pendapatan masyarakat di Provinsi Aceh*. Prosiding Persidangan Antarabangsa dalam Memperkasakan Tamadun Islam, 7-8 Oktober 2017.
- Rizki Aulia. (2017). Temubual ke atas informan di BMA, pada 23 Oktober 2017.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of social sciences and humanities*, Vol. 13, No.2 (2018) 011-023, ISSN: 1823-884x.
- Sohaimi Hj. Mohd Salleh. (2011). *Zakat mampu tangani masalah kemiskinan*. Berita Harian, Ruangan Agama pada 19 Mac 2011.
- Zuriyati Yaakub & Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2018). Faktor-faktor kejayaan usahawan ikon Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). *Jurnal Penyelidikan Lanjutan Sosial dan Sosial Jurnal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences 11, Issue 1 (2018) 82-93*.